



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
BERHUBUNG PELANJUTAN POWER PURCHASE
AGREEMENT (PPA) BAGI PENJANA-PENJANA BEBAS (IPP)**

PUTRAJAYA, 5 Julai 2016 - Kerajaan telah mengadakan bidaan kompetitif pada 2015 untuk melanjutkan *Power Purchase Agreement* (PPA) bagi penjana-penjana bebas (IPP) generasi pertama melalui Suruhanjaya Tenaga (ST).

Sebanyak tiga (3) IPP telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh ST dan berjaya dalam bidaan tersebut iaitu Port Dickson Power Bhd. (PD Power), Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd. (Kuala Langat Power), dan YTL Power Generation Sdn. Bhd. (YTL Power).

Dua (2) daripada IPP yang berjaya iaitu PD Power dan Kuala Langat Power telah menandatangani PPA dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) tetapi YTL Power masih belum berbuat demikian kerana TNB telah menetapkan *Conditions Precedent* (CP) kepada PPA. TNB juga mempertikaikan arahan untuk melaksanakan pelanjutan PPA yang dikeluarkan oleh ST. Oleh yang demikian, pihak TNB telah mengemukakan arahan tersebut untuk semakan kehakiman.

- TAMAT -

**DIKELUARKAN OLEH:
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
5 JULAI 2016**